



## JABATAN PELESENAN DAN KESIHATAN

### PEMBERITAHUAN

Kepada semua penjaja setempat / bergerak

Tuan / Puan,

#### SYARAT-SYARAT PELESENAN DAN KEBERSIHAN BAGI PENJAJA SETEMPAT / BERGERAK DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI

1. Mestilah memiliki lesen yang sah dikeluarkan oleh MPKu dan hendaklah dipamerkan sepanjang waktu perniagaan.
2. Pelesen hendaklah berniaga di kawasan yang telah ditetapkan dan menjalankan jenis perniagaan seperti yang tertera pada lesen.
3. Pelesen dibenarkan membuat 3 pilihan kawasan sahaja ( Bagi kawasan taman perumahan dengan menyatakan alamat penuh kawasan ).
4. Pelesen tidak dibenarkan berniaga 10 meter dari simpang jalan, 3 meter dari pili bomba, 100 meter dari sekolah, jalan protokol, kaki lima dan lapangan awam yang berturap melainkan dengan kebenaran Yang Dipertua, Majlis perbandaran Kulai.
5. Peniaga hendaklah mematuhi arahan dan syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Kulai. Jika gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, lesen boleh dibatalkan pada bila-bila masa tanpa sebab.
6. Pelesen hendaklah hadir sepanjang tempoh perniagaan.
7. Pelesen hendaklah memindahkan segala barangnya setelah tamat berniaga.
8. Pelesen hendaklah menjaga kebersihan diri dan barang perniagaanya.
9. Setelah selesai menjalankan perniagaan, pelesen :-
  - a) Hendaklah membersihkan kawasan perniagaannya.
  - b) Hendaklah memasukan semua bahan buangan pepejal/cecair kedalam bekas yang sesuai dan diikat kemas.
  - c) Dilarang membuang apa-apa bahan buangan diatas jalan, parit dan longkang.
  - d) Dilarang meninggalkan apa-apa barang / alat-alat perniagaan di kawasan niaga.
9. Pelesen yang menjual makanan dan minuman hendaklah :-
  - a) Mendapatkan salinan suntikan typhoid dan pemeriksaan kesihatan.
  - b) Hendaklah di sertakan salinan kursus pengendalian makanan.
  - c) Salinan Kad pengenalan pemohon.
  - d) Sertakan gambar lokasi / kawasan perniganan.
  - e) Nombor pendaftaran kenderaan dan jenis kenderaan.

Kursus Pengendalian Makanan

\* Sila berhubung dengan **Tuan Hj. Hassan** di talian **012 - 730 3241, 012 - 754 0013, 012 - 781 2532** bagi pendaftaran Kursus Pengendalian Makanan.